

**PERKARA GARISPANDUAN PENYELENGGARAAN KERJA-KERJA KECIL**

---

**1. PENDAHULUAN**

Garis panduan ini bertujuan untuk rujukan Ketua Bahagian(KB) / Ketua Unit(KU) JPPHB dalam merancang, mengurus dan mengawalselia penyelenggaraan kerja-kerja kecil di Universiti Malaya. Garispanduan ini juga disediakan sebagai panduan kepada semua Fakulti/PTj/Kolej Kediaman untuk merancang dan melaksanakan kerja penyelenggaraan kecil dengan sempurna dan lancar.

**2. OBJEKTIF**

2.1 Tujuan garispanduan ini disediakan ialah:

- 2.1.1 Bagi menerangkan secara terperinci tentang kaedah pelaksanaan penyelenggaraan kerja-kerja kecil di Universiti Malaya.
- 2.1.2 Sebagai panduan kepada semua yang mengendalikan urusan berkaitan untuk melaksanakan penyelenggaraan kerja-kerja kecil di Universiti Malaya.
- 2.1.3 Bertujuan memberikan penjelasan tentang kriteria dan piawaian umum khusus dalam merancang pelaksanaan supaya dipatuhi keperluan perkhidmatan disamping penggunaan kos yang berkesan di dalam memenuhi kehendak dan fungsi semasa menguruskan penyelenggaraan kerja-kerja kecil di Universiti Malaya.
- 2.1.4 Untuk memberi kefahaman kepada pengguna dan pelaksana dalam memastikan tanggungjawab dan kebolehan serta keputusan penyelenggaraan kerja-kerja kecil di Universiti Malaya.

**3. TUJUAN**

3.1 Garispanduan ini dikeluarkan secara umum yang merangkumi semua skop kerja-kerja kecil. Garis Panduan ini digunakan seperti berikut:

- 3.1.1 Memberi kelonggaran kepada semua Fakulti/PTj/Kolej Kediaman bagi mengurus sendiri penyelenggaraan kerja-kerja kecil.
- 3.1.2 Untuk rujukan kepada KB/KU merancang dan menyediakan bajet penyelenggaraan.
- 3.1.3 Untuk rujukan kepada KU/PTKT/PTKK/PTK dalam pemantauan kerja penyelenggaraan.

#### **4. SKOP KERJA**

- 4.1 Skop kerja bagi garis panduan ini terhad kepada senarai kerja-kerja kecil yang dibenarkan oleh JPPHB seperti di perenggan 5.0.
- 4.2 Bagi kerja-kerja yang lain, pihak Fakulti/PTj/Kolej Kediaman perlu rujuk dan mendapatkan kebenaran pihak JPPHB untuk melaksanakan sendiri berdasarkan kepada Arahan Perbendaharaan 182. Permohonan untuk mendapatkan kebenaran perlu dikemukakan kepada Pengarah JPPHB. Pihak Fakulti/PTj/Kolej Kediaman tidak sama sekali dibenarkan melaksanakan kerja-kerja sendiri yang melibatkan struktur, sistem bekalan/pengagihan elektrik serta sistem mekanikal/LPG.

#### **5. SENARAI KERJA-KERJA KECIL YANG DIBENARKAN**

- 5.1 Berikut adalah senarai kerja-kerja kecil yang dibenarkan untuk diurus sendiri oleh semua Fakulti/PTj/Kolej Kediaman:

#### **JENIS KERJA (PEMBELIAN/PEMBAIKAN/PENGGANTIAN)**

##### **(A) KERJA-KERJA SIVIL**

###### **1. Menggali Tanah, Longkang dan Lain-Lain**

Penanaman dan pemotongan rumput/pokok  
Mengorek dan membersihkan longkang  
Pembaikian longkang yang pecah atau rosak  
Pemasangan *grating*

**2. Tukang Kayu/Pintu**

Membaiki tingkap dan pintu

Meja/kerusi dewan makan

Meja/kerusi makmal

Tombol pintu

*Door closer*

Engsel pintu

Pemegang pintu

Selak pintu/tingkap

*Bolt*

Alat kunci

Membaiki ibu kunci

Rak kabinet kayu

**3. Tukang Peralatan Besi**

Kerja-kerja memagar

*Roller shutter*

Bar keselamatan dan jerejak (*grille*)

Pintu besi berlipat & pintu aluminium

Dawai ampaian

Penyangkut tuala

Railing langsir

Rak kabinet besi

**4. Tukang Paip/Tandas**

Talang (*gutter*) dan salur tegak (*downpipe*) air hujan

Pembersihan tangki air

*Hose pipe*

Kepala - paip/*shower*

*Floor trap* untuk *outlet* tandas

Tangki *flush* / mangkuk tandas

**5. Lain-Lain**

Cermin muka

Cermin tingkap

Kerja-kerja mengecat (*touch-up*) – dinding/tangga/papan kenyataan

Jaring nyamuk

Papan notis/papan notis bercermin

Menampal lantai yang pecah/berlubang

Pencucian/Penggantian karpet yang lusuh

Bidai/tirai/langsir

*White board*

Pembelian perabot – rak buku, kaunter, sofa

*Signage* dalam bangunan Fakulti/Kolej

*Signage* di tempat letak kenderaan

**(B) KERJA-KERJA ELEKTRIK**

Tiada

**(C) KERJA-KERJA MEKANIKAL**

Tiada

**6. PERUNTUKAN**

- 6.1 Bajet untuk mengurus penyelenggaraan kerja-kerja kecil ini hendaklah menggunakan peruntukan Belanja Mengurus Fakulti/PTJ sendiri.
- 6.2 Bagi kolej-kolej kediaman, peruntukan sejumlah RM20,000 akan diberikan pada setiap kolej bagi mengurus penyelenggaraan kerja-kerja kecil tersebut. Pihak kolej hendaklah menampung sendiri pembentangan penyelenggaraan kerja-kerja kecil itu sekiranya peruntukan yang diberikan tersebut sudah kehabisan.

**7. LAIN-LAIN**

- 7.1 Garispanduan ini akan dikemaskini dan dibuat penambahbaikan dari masa ke semasa mengikut kaedah keperluan, masa dan kesesuaian perkhidmatan yang akan dilaksanakan serta juga perubahan dasar atau dasar sedia ada.

---

**Tarikh : Disember 2009**

**Disediakan oleh:**

Unit Pengurusan Bangunan & Infrastruktur  
Bahagian Pengurusan Penyelenggaraan  
Jabatan Pembangunan & Penyelenggaraan Harta Benda  
Universiti Malaya

---